

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]**
TARIKH : **18.6.2014**
SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berat beg sekolah pelajar sekolah Darjah Satu dengan semua buku yang diperlukan bagi mata pelajaran sehari dan sekiranya Kementerian bercadang untuk memasang 'loker' di setiap sekolah untuk membantu murid-murid ini, dan jika tidak mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak tiga (3) kajian yang berkaitan telah dibuat pada tahun 2000, 2008 dan 2010. Dapatan daripada semua kajian menunjukkan bahawa peratus berat buku teks sahaja adalah di antara 3.21% hingga 7.60% berbanding berat badan murid. Peratus ini di bawah 15% iaitu % berat paling maksimum yang dicadangkan oleh pertubuhan antarabangsa. Walau bagaimanapun, berat beg yang berlebihan adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain selain buku teks.

Berkenaan cadangan untuk memasang *locker* di setiap sekolah, peralatan dan perabot sekolah termasuk memasang *locker* akan dibuat bersekali dengan perancangan pembinaan bangunan sekolah, sekiranya terdapat keperluan. Walau bagaimanapun pemasangan *locker* di sekolah sedia ada bergantung kepada kesesuaian dan diuruskan berasingan oleh sekolah masing-masing dan inisiatif Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) ataupun Lembaga Pengurus Sekolah (LPS).